



SIARAN AKHBAR

Republik Uzbekistan dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam akan mengadakan persembahan kebudayaan bertajuk 'THE CULTURAL PRESENTATION OF UZBEKISTAN' di Negara Brunei Darussalam bermula 12 sehingga 13 September 2011.

Persembahan Gala akan diadakan pada malam 12 September 2011 bertempat di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mulai jam 7.30 malam. Persembahan ini dijangka akan disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, selaku Tetamu Kehormat majlis, Tuan Yang Terutama Timbalan Menteri Kebudayaan dan Sukan Republik Uzbekistan, Tuan Yang Terutama Duta Besar Republik Uzbekistan ke Negara Brunei Darussalam, Duta-Duta Asing dan Perwakilan Tetap di Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-Setiausaha Tetap dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, serta pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Persembahan kebudayaan ini juga akan dibukakan untuk tontonan orang ramai pada 13 September 2011 bertempat di ruang lobi utama The Mall, Gadong mulai jam 3.00 petang hingga 5.00 petang. Orang ramai adalah dialu-alukan hadir bagi menyaksikan persembahan berkenaan.

Persembahan kebudayaan tersebut akan mengandungi permainan muzik tradisi yang akan dibawakan oleh kumpulan pemuzik 'SATO'. Selain itu, pameran kraftangan Republik Uzbekistan juga akan diadakan bagi membolehkan orang ramai melihat secara lebih dekat lagi tentang seni dan budaya Republik Uzbekistan.

Ini merupakan kali pertama Republik Uzbekistan mengadakan persembahan kebudayaan di Negara Brunei Darussalam. Persembahan ini bertujuan untuk memperkenalkan para penduduk Negara Brunei Darussalam tentang Republik Uzbekistan melalui seni dan budaya, dan untuk mengeratkan lagi hubungan baik yang telah dijalinan di antara kedua-dua buah negara.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

Tarikh : 10 Syawal 1432 / 8 September 2011